

FALSAFAH PENGAJARAN ISLAM

Tuan Johari Ahmad penulis rencana ini ialah seorang pelajar Melayu yang sedang meluaskan pengetahuannya dalam pendidikan Islam dan peradabannya. Bahan-bahan rencana ini telah dikumpulkan olehnya dari buah pena jaguh-jaguh Islam yang terkemuka.

(Oleh Johari Ahmad)

Segolongan besar orang-orang Islam kita pada hari ini sama ada disedari atau tidak, memaham bahawa Islam itu hanyalah merupakan agama ibadat semata-mata dan ada di antara mereka yang terus-menerus mendakwa bahasa Islam dan sari ajarannya adalah terpisah dari kehidupan sehari-hari.

Kita tidaklah akan hairan kalau tuduhan-tuduhan buruk seperti itu terbitnya daripada orang-orang yang tak berpelajaran tetapi yang menyedihkan hati kita ialah bahawa ada di antara orang-orang terpelajar kita yang mendakwa hal ini. Tak hairanlah kalau bapa falsafah Islam yang terkena al-Shaykh Muḥammad ‘Abduh terang-terang menyatakan: “*Al-Islām mahjūbun bi al-Muslimīn*” (Cahaya kebenaran Islam ditutup oleh orang-orang Islam itu sendiri).

Islam diturunkan ke dunia oleh Tuhan bukanlah semata-mata pengajaran ibadat, tetapi lebih luas daripada itu. Islam dalam segenap teorinya, dalam segenap undang-undangnya, dalam segenap syariatnya adalah merupakan hukum yang tegas ke arah menjamin satu masyarakat yang berbahagia, satu masyarakat umat yang bentuk rupa dan kebudayaannya berbagai ragam dapat bersatu di dalam satu ikatan persaudaraan yang kukuh sebagaimana yang diterangkan oleh Allah Ta‘ālā dengan firmanNya. “*Innā ja’alnākum shu‘ūban wa qabā’ila lita’ārafū*”: (Sesungguhnya kami jadikan kamu wahai manusia berpuak-puak dan berkabilah-kabilah supaya kamu berkenal-kenalan).

Kerana inilah Islam diturunkan! Dan kerana inilah pula Nabi Muhammad diutus.

Mengingati sejarah manusia sebelum Islam, bangsa Arab berpecah-belah, kerajaan agung yang penuh berkuasa pada masa itu hanyalah bangsa Rom dan Parsi. Puas manusia berperang berbunuh-bunuhan, satu puak dengan satu puak, satu kabilah dengan satu kabilah, satu bangsa sesama bangsanya, satu umat bercanggah dengan umat yang lain. Parsi dan Rom adalah dua umat yang gagah tetapi mereka berbunuh-bunuhan. Parsi berkeras-keras mengatakan bahawa bangsa yang berkulit “Parsi” sahaja yang layak memegang teraju pemerintahan, sedang “Rom” pula bermati-matian mendakwa bahawa bangsa Rom sahaja yang agung di atas muka bumi ini. Segala undang-undang yang digubal ke arah tercapainya satu masyarakat bahagia, satu pun di antara perlembagaan itu tak dapat kekal bersama-sama umat di dalam pergolakan sejarah.

Datanglah Islam, maka Islamlah yang mengaturkan satu perlembagaan besar yang meliputi segenap undang-undang dan tertib kehidupan. Hal ini dapatlah disaksikan di dalam lipatan sejarah itu sendiri bagaimana adanya perkembangan masyarakat yang diatur oleh Islam. Yang amat menakjubkan ialah kesanggupan Islam menyatukan manusia yang berbagai-bagai bangsa dan warna di dalam satu ingatan persaudaraan yang maha luas dan kukuh. Orang akan bertanya: Apakah dianya tenaga kekuatan yang digunakan Islam bagi menyatukan manusia? Kami hairan. Kata mereka, bahawa selama ini orang-orang Eropah dengan teori demokrasiya, orang di Rusia dengan faham “Komunismenya” namun demikian adanya teori-teori itu, satu kesanggupan

bagi menyatupadukan umat masih belum lagi terlaksana hingga sekarang.

Ya! Kita akui bahawa memang sebenarnya Barat mempunyai teori demokrasinya itu. Rusia mempunyai faham komunisnya. Tetapi kita tidaklah akan mengakui bahawa teori-teori ini semua di dalam rupa amalan dapat menyusun satu tenaga umat yang kukuh. Satu masyarakat yang tidak terdapat di dalamnya rasa “tempang” dan berat sebelah.

Kalau orang membaca teori Barat sebelum mengkaji teori Islam sehabis-habisnya, tentulah orang itu akan terpengaruh dengan Barat mengakulah orang itu “Barat sudah sempurna!” tetapi ketahuikah orang itu bahawa teori Barat inilah yang selama ini menimbulkan banyak kesan yang tak baik di dalam masyarakat dunia. Mana persamaan hak di dalam teori Barat?

Mana “teori” keadilan komunisme? Kalau hak perseorangan manusia sebagai anggota yang berhak hidup, yang berhak bekerja bagi menyimpan kekayaan, bagi kebahagiaan keluarga, bagi makanan rohani dan jiwa (*i'tiqad* dan kepercayaan) dirampasnya habis-habis.

Perhatikan! Komunisme meletakkan batu asas bahawa manusia selama hidupnya adalah haram bekerja kerana faedah diri sendiri. Di dalam teori ini adalah haram seseorang manusia menganut sebarang kepercayaan agama, sedang kita berkeyakinan bahawa tidaklah sempurna seseorang manusia kecuali dengan kesuburan jiwa dan kesempurnaan rohani dan jasmani! Semenjak Islam tersiar di dunia, semenjak ia menjadi pegangan hidup umat Muslimin, adalah menghormati hak-hak ini, tidak ada di dalam sejarah Islam, hak perseorangan dirampas kerajaan dan hartanya dijadikan hak milik negara.

Islam semenjak ia memancar, semenjak ia menjadi pegangan hidup anak alam ini, tak pernah membezakan antara kulit putih dengan kulit hitam, antara Rom dan Parsi, Arab dan ‘Ajam, Barat dengan Timur. Semua manusia berhak membuat kerja bagi kesenangan dirinya, keluarganya

asal sahaja pekerjaan itu hasilnya dapat dikecap bersama dan keuntungan balik kepada diri sendiri dan kepada masyarakat.

Di sinilah perbezaan bentuk teori Islam dan bentuk teori Barat dan Komunis, Barat menghormati hak perseorangan tetapi tak menghormati hak bersama, si kaya bergelimpang dengan kekayaannya, sedang si miskin menderita dengan kemiskinannya, Komunis pula merampas hak perseorangan dan menghormati hak-hak bersama.

Tetapi Islam menghormati hak perseorangan dan menghormati pula hak bersama-sama. Tuan boleh berusaha, boleh mencari rezeki, menghimpun kekayaan kerana amal soleh bagi akhirat, kerana kesenangan semasa hidup di dalam dunia. Tetapi haram tuan makan seorang dengan membiarkan saudara tuan mati kelaparan. Inilah falsafahnya “persaudaraan di dalam Islam” inilah inti sarinya perkataan Rasulullah: “Bahawa sesungguhnya seorang Islam itu dengan lainnya bersaudara. Yang satu menguatkan yang lain. Kalau sakit satu anggota daripadanya, merintihlah semua badannya dengan demam dan berjaga malam.”

Islam tidak pernah membangkang pemeluknya daripada bekerja, daripada berfikir dan sebagainya, bahkan Islamlah satu agama tunggal di dunia ini yang mengarahkan pemeluknya kepada bekerja, mengeluarkan tenaga ke arah kesempurnaan hidup di dunia dan keredhaan Tuhan di akhirat. Jelasnya di dalam al-Quran Tuhan menerangkan: “Bekerjalah, Tuhan akan melihat pekerjaan kamu, rasul-Nya dan semua orang mukmin.” Rasulullah sendiri dalam masa hidupnya, dalam masa meabdi dirinya menjunjung tinggi perintah Tuhan, menyampaikan amanah kepada hamba-Nya. Baginda juga tidak melupakan tanggungannya sebagai seorang manusia yang bertanggungjawab terhadap anak dan isterinya. Pada masa akecilnya menjadi seorang pengembala, pada masa mudanya menjadi seorang saudagar pula. Begitulah juga sahabat-sahabat yang lain daripada Khulafā’ al-Rashidīn, Sayyidina ‘Umar menjadi sebesar-besar contoh tentang ini. Pernah pada satu ketika Khalifah

(Sambungan pada muka 23)

(Sambungan daripada muka 18)

ini bertemu dengan seorang anak muda yang hanya pandai bertafakur dan berzikir di masjid berdoa memohon rahmat Tuhan, ditempelaklah pemuda malas itu seraya berkata: “Langit tak akan menurunkan hujan emas dan perak.”

Amatlah salah kalau ada di antara kita yang berkata Islam menekan fikiran manusia sebelum ia membuat penyelidikan yang luas atas soal ini. Di dalam Islam akal adalah dijunjung tinggi, diletakkan di atas makam yang setinggi-tingginya, setiap anggota masyarakat boleh berfikir, boleh mengeluarkan rasa dan pendapat asal sahaja pendapat akal itu tidak mengganggu hak-hak umum dan asas-asas agama yang telah ditetapkan seperti sembahyang (*ta'budī*), seperti mengapa Zohor empat rakaat? Mengapa bekas-bekas anjing mesti dibasuh dengan tanah dan air tujuh kali berturut-turut? Itu terserahlah kepada Tuhan. Kita hanya mesti menerima tugasnya kita hanya mesti berkata “*Sami'nā wa aṭa'nā*” (Kami dengar dan kami taat) namun untuk memikir hikmah, sari falsafah, diharuskan dan digalakkan juga. Tetapi kalau mengenai soal hidup umat sehari-hari (*ta'qulī*) cara pemerintahan kita, cara hidup kita, itu adalah terserah bulat-bulat kepada umat memikirkan sendiri, umat berhak menentukan, dan berhak pula.

Bertindak sendiri jalan mana yang sebaik-baiknya cara pertadbiran negara kita asal sahaja berpandukan kepada asas-asas agama dan tidak melanggar garis-garis yang telah ditetapkan Tuhan.

Di dalam kitab suci al-Quran banyak ayat-ayat yang bermakna: “Kenapa mereka tidak berfikir?” “Kenapa mereka tidak mengetahui?” “Kenapa mereka tidak mempergunakan akal?” antara lain Tuhan berfirman maksudnya: “Adakah kamu perhatikan suatu yang kamu tanam? Kamukah yang menumbuhkannya atau Kamikah yang menumbuhkannya?”

“Adakah kamu perhatikan air yang kamu minum? Kamukah yang menurunkan dari awan atau Kamikah yang menurunkannya?” “Adakah kamu perhatikan api yang kamu nyalakan dengan

kayu? Kamukah yang menjadikan kayunya atau Kamikah yang menjadikannya?

Perhatilah bagaimana Islam memandang akal, meletakkannya, dan menghargakan akal itu?

Siapakah di antara orang-orang yang berakal yang tidak akan terpicat hati dan perhatiannya oleh cara Islam membawa manusia kepada mengetahui Tuhannya seperti yang terlukis dalam ayat-ayat yang tersebut?

Bukalah al-Quran – di mana sahaja tuan akan bertemu dengan perkara ini!! Tuan Muhammad Natsir pemimpin umat Islam Indonesia yang terkenal itu pernah menulis dalam bukunya “Capita-Selecta” Capita Selecta jilid 2 sebagai berikut:

“Kalau di Barat orang mengatakan bahaswa “*Baco Van Vrum*” (*Baco Van Vrum*) lah yang mula-mulanya mengemukakan “*Inductive method*” di dalam berfikir maka ketahuilah bahawa Nabi Muhammad ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam sudah mengajarkannya beberapa kurun sebelum orang ini. Nabi Muhammad ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam mengajarkan satu cara berfikir yang sampai sekarang menjadi dasar bagi tiap-tiap penyelidikannya.

Ada orang menuduh bahawa di dalam pemerintahan Islam tidak ada kemerdekaan agama, semua manusia mesti menganut agama Islam, kalau tidak lehernya mesti putus oleh pedang tentera Islam, dan ada orang yang berkata Islam ditegakkan di atas kekerasan, ditegakkan di atas mata pedang bukan di atas dakwah seruan dan jalan yang bijaksana. Hal yang demikian itu adalah salah sama sekali, mungkin itu hanya keluar dari seorang yang ingin merosakkan agama Islam belaka.

Bagi orang yang memerhatikan benar-benar pengajaran Islam, orang akan mengetahui bahawa di dalam hukum dan pengajaran Islam tidak ada tempat pembuangan agama – tidak ada pulau “pengasingan” untuk orang-orang yang tak menghendaki Islam sebagai agamanya. Bahkan hidupnya seorang yang tidak menganut agama Islam di negeri yang menurut hukum Islam lebih lagi terjamin dia akan agama serta kepercayaan yang dipeluknya

sendiri sama seperti jaminan yang didapati oleh rakyat Islam itu.

Di dalam al-Quran Tuhan berfirman, maksudnya:

“Katakanlah wahai orang-orang kafir, aku tidak menyembah apa yang kamu sembah dan tidak pula kamu menyembah apa yang ku sembah, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah, dan tidak pula kamu menyembah apa yang ku sembah, bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku”!

Firman-Nya lagi, maksudnya:

“Bawalah! (Serukanlah) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang lemah-lembut!”

Demikianlah falsafah ideologi Islam.

Ada orang akan bertanya kalau begitu sekali indahnya Islam, kenapa sekarang ini masih kita dapati orang-orang Islam di mana-mana sahaja di dunia ini berada di dalam kelemahan sahaja?

Jawabnya: Itu bukanlah kesalahan Islam. Bukanlah keindahan Islam itu yang mesti disalahkan. Memang di mana-mana sahaja kita dapati umat Islam hari ini lemah kedudukannya di dalam percaturan siyasah ia jatuh, di dalam iktisad ia miskin, di dalam pertahanan ia kalah. Itu adalah kesalahan umat Islam kita sendiri, tegasnya kita sendirilah yang bersalah, banyak surah perintah-perintah Islam kita langgar. Agama menganjurkan persatuan, kita mencari perpecahan; agama mengatakan bahawa soal-soal kecil mengenai ‘ubudiyah haruslah dikesampingkan ke tepi, berilah kebebasan kepada tiap-tiap seorang umat Islam melakukan ibadatnya dengan sebeb-asalnya asal sahaja pokok atau asas di dalam perkara itu tidak dilanggar. Soal-soal kecil itulah yang kita hebohkan. Masalah-masalah khilafiah kita timbulkan kembali, sedang dalam hal yang sebenarnya masalah-masalah itu haruslah kita kuburkan!

Agama mengatakan bahawa umat haruslah dipupukkan jiwa dan rohani dengan pupukan suci, ulama-ulama haruslah bekerja keras dalam hal ini, sebaliknya kita – meletakkan ke tepi soal ini dan ulama-ulama kita (kebanyakan bukan hendak membangunkan jiwa umat. Bukan hendak menyalakan rohnya. Tetapi sebaliknya berusaha membekukan jiwa itu

dan mematahkan semua sekali tiap-tiap tunas baharu yang hendak tumbuh!. Kalau ada di antara kita berani membawakan fatwa-fatwa baharu mengenai “umat” tegasnya “kehidupan umat” dengan bersandarkan kepada al-Quran dan al-Hadis, ijma’ dan qiyas, serta pendapatan-pendapatan ulama-ulama yang muktabar, kita sudah dicap “sesat” sudah dikatakan kita hendak membaharukan agama!

Kalau ada orang mengarahkan umat supaya berusaha membuat jalan-jalan kebaikan (secara langsung atau tidak), mencari rezeki sebaik-baiknya di atas muka ini bagi keselamatan dan kekuatan kita bersama dan mencapai pahala Tuhan di akhirat kelak, bangunlah pula puak-puak di antara kita mencari hadis-hadis da’if dan dihamburkanlah kepada umat “bahawa dunia itu bangkai belaka”, yang lebih anehnya “puak-puak dan golongan-golongan jumud tadi” tak mahu pula mentafsirkan kepada umat akan hakikat yang sebenarnya daripada perkara ini. (Kalau pun misalnya ada Rasulullah berkata demikian!) tafsirkanlah kepada umat bagaimana cara dan cara macam mana kita harus memahamkan “dunia itu bangkai belaka” dan lain-lain lagi seumpama itu daripada hanya pandai mengeluarkan tetapi tak mahu menafsirkan!

Dan tatkala Tuhan menegaskan di dalam kitab-kitab sucinya bahawa umat Muslimin haruslah menentukan nasibnya sendiri dengan bersatu dan bermesyuarat, berbahas dan berbincang hatta di dalam perkara yang sekecil-kecilnya pun, dan tatkala berlaku suatu “perselisihan faham” di antara kita kembalilah sahaja perkara itu kepada kitab dan sunnah rasul-Nya” banyak pula di antara kita yang masih berpaling tadah daripada ajaran ini.

Memang! Islam itu indah selama-lamanya, Islam diakui Tuhan menjadi dasar hidup manusia umumnya. Akan tetaplah akuan itu pada masa sekarang ini, esok hari akan datang hingga sampai akhirat kelak. Ketetapan Tuhan tak akan berubah – *Wa lan tajidu lisunnat Allāh tabdīlā!*

Kita menanti “Mujahid-mujahid Islam” akan bangun kembali dan terserlah juga “cahaya kebenaran” itu di tengah-tengah masyarakat kita ini – asal sahaja umat Islam mahu kembali membaca kitab sucinya dengan dada yang terbuka dan roh yang hidup!

(Sambungan daripada muka 16)

Masjid Qurtubah

Sungguh besar perbelanjaan yang telah dicurahkan oleh mereka atas pembangunan-pembangunan tersebut. Umpamanya masjid besar yang terletak di bandar Qurtubah yang masih tersergam sehingga zaman kita ini adalah besarnya sama dengan “al-Masjid al-Umawi” yang masyhur di Damshiq iaitu panjangnya 600 kaki dan lebarnya 250 kaki. Tiangnya berjumlah 1,093 batang terbuat daripada batu marmar, manakala pintunya pula 29 buah terbuat daripada tembaga dan berhias dengan emas. Masjid itu juga dihiasi oleh 4,700 buah kandil (lampu gantung) dan sebuah daripadanya terbuat daripada emas dan terletak di mihrab. Kira-kira 24,000 paun minyak dan 20 paun ambar, gaharu dan cendana digunakan oleh masjid ini dalam setahun.


“... bandar Qurtubah adalah diterangi oleh lampu-lampu santik ke pagi, segala jalan rayanya sentiasa harum dengan bunga-bunga yang semerbak baunya, bersambutan pula pasukan bunyi-bunyian sedia melipurkan sekalian penduduk dengan lagu-lagunya yang

merdu daripada tiap-tiap tempat peranginan dan tanah-tanah lapang (medan) yang dikunjungi ramai.

Setelah ahli tawarikh Perancis itu menyebut keindahan istana raja-raja Islam seperti “Alhambra” yang masih tersergam di semenanjung Sepanyol hingga hari ini maka ia telah menyimpul tulisannya itu dengan berkata: “Dengan ini nyatalah bahawa bangsa Arab di semenanjung Sepanyol adalah suatu bangsa yang cukup maju di antara lain-lain bangsa dalam kurun yang kesebelas bahkan tamadun mereka telah mengatasi tamadun orang Eropah seluruhnya.”

Sekianlah kemajuan Islam di tanah besar Eropah yang telah ditulis oleh seorang bangsa asing yang sengaja dipeturunkan di sini, meskipun ada beratus-ratus ahli tawarikh Islam sendiri yang telah membentangkan hal itu dengan lebih luas lagi.

Sesungguhnya tak dapat disangkal bahawa Islamlah yang telah membawa segala kemajuan dan yang telah mendirikan sekolah-sekolah tinggi serta membuka gedung-gedung pengetahuan di sana, yang kerananya benua Eropah telah menjadi terang-benderang dengan “nur” ilmu pengetahuan Islam setelah mengalami kegelapan dan kejahilan berkurun-kurun lamanya.



Madrasah Sham al-Ma'arif al-Wataniyyah, Tanjung Piandang yang baharu siap dibina dengan perbelanjaan \$20,000. Mudah-mudahan akan banyak lagi sekolah-sekolah rakyat yang terdiri dan terus berkhidmat mengembangkan ilmu pengetahuan Islam.